

MEMO
PEJABAT PENGARAH
HOSPITAL KUALA LUMPUR

Ruj: HKL/AM/TPP/140

Tarikh : September 2011

Perkara	Proses Permohonan Di Peringkat Hospital Kuala Lumpur Untuk Kelulusan Bertulis Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia, Menurut Seksyen 34C Akta Perubatan 1971	
Kepada	Semua Ketua Jabatan (Senarai seperti Di Lampiran)	Salinan Kepada: TP(P)I TP(Pengurusan)
Daripada	Pengarah Hospital Kuala Lumpur	TP(P)II TP(P)III KPP(Perkhidmatan)

Y.Bhg Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman Y.Bhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan, mengikut Seksyen 34C Akta Perubatan 1971, semua pegawai perubatan, pengamal perubatan dari IPTA dan IPTS yang berkhidmat di klinik/ Hospital Kementerian Kesihatan Malaysia secara sessional atau lokum perlu mendapat kebenaran bertulis dari Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia (susulan surat KKM/87/P1/6/1/6/1/4(1) bertarikh 11 Julai 2011). Pengamal Perubatan tersebut boleh dapatkan surat permohonan kebenaran Ketua Pengarah Kesihatan dari PA Timbalan Pengarah (Perubatan) di Pejabat Pengarah HKL.

3. Makluman seterusnya, proses permohonan mengenai perkara di atas adalah seperti di **Lampiran 1**. Kerjasama Y.Bhg Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan diucapkan ribuan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA “

Saya yang menurut perintah,



(DATO' DR. ZAININAH BT. MOHD ZAIN) (MPM: 25004)

Pengarah
Hospital Kuala Lumpur

**PROSES PERMOHONAN DARI PERINGKAT
HOSPITAL KUALA LUMPUR**

